

Ekonomi dunia kekal lembap
AFP News
September 14, 2011

WASHINGTON 13 Sept. - Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama hari ini memberi amaran ekonomi dunia akan terus lembap sehingga krisis Zon Euro diselesaikan, kerana pasaran semakin bimbang dengan peningkatan hutang Greece, Sepanyol dan Itali.

Obama berkata, Amerika Syarikat (AS) sedang bekerjasama dengan negara-negara di Eropah dan pengawal selia untuk menangani keadaan ekonomi yang semakin buruk itu.

"Kami akan terus memantau keadaan ekonomi dunia yang semakin lembap, selagi isu ini tidak ditangani.

"Ia akan menjadi topik penting pada Mesyuarat G20 yang bakal berlangsung pada November ini," katanya merujuk kepada mesyuarat yang akan diadakan di Perancis nanti.

Obama menambah, Washington bekerjasama erat dengan negara-negara Eropah untuk membantu krisis Zon Euro bagaimanapun, negara-negara itu perlu sepakat untuk mencari jalan penyelesaiannya.

"Greece adalah masalah besar (dihadapi) sekarang dan kami sedang mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan krisis dan bukan menyelesaikannya," ujar beliau.

Semalam, saham-saham Eropah menjunam dan euro menyaksikan kejatuhan paling rendah dalam tempoh 10 tahun berbanding yen ekoran spekulasi kegagalan Greece menangani hutang akan mengakibatkan berlaku satu lagi kemelesetan ekonomi.

Tetapi, saham-saham di AS naik berikutan Laporan Financial Times yang mendakwa China kini berunding untuk membeli bon-bon kerajaan Itali.

Pada awal tahun ini, Greece diberi lampu hijau untuk bantuan kedua bernilai dua bilion euro (AS\$2.7 bilion) dalam pengurangan bajet oleh Kesatuan Eropah (EU) dan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) bagi pakej bantuan untuk menangani kegagalan. - AFP

Copyright © AFP 2011

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0914&pub=Utusan_Malaysia&ec=Ekonomi&pg=ek_02.htm